

# AGAMA ITU NASIHAT

## HASAD

Hasad itu ertinya benci kepada nikmat yang ada kepada seseorang dan berharap nikmat itu akan hilang daripada orang itu.

Di dalam bahasa Melayu dinamakan dengki. Yang menyebabkan seseorang jadi pendengki itu ialah:

(1) Permusuhan apabila Si Awang bermusuh dengan

Si Budin maka biasanya di antara satu sama lain benci membenci. Benci kepada seseorang itu kerapkali pula membenci kepada adanya satu nikmat kepada orang yang dibencinya itu bila ia benci kepada adanya nikmat pada orang yang dibencinya itu sudah tentu ia suka hilang nikmat itu daripadanya. Inilah dia dinamakan dengki.

(2) Sombong – biasanya orang yang sompong itu tidak

suka ada orang yang lebih daripadanya di dalam ilmu, harta, kekuatan, nama yang baik dan sebagainya apabila ia tidak suka adanya nikmat-nikmatnya itu kepada orang lain tentulah ia berharap-harap hilangnya daripada orang-orang itu. Inilah dinamakan hasad dan dengki.

(3) Gila pangkat –Apabila seseorang gila pangkat biasanya

ia tidak suka ada orang yang sepangkat atau lebih tinggi daripadanya, tak menyukai kepada adanya orang yang sepangkat atau lebih daripadanya itu membawa kepada tidak suka adanya sebab-sebab yang menjadikan dia sama atau lebih daripadanya dan sudah tentu ia suka orang-orang itu kehilangan pangkat dan kemuliaan yang menyaingi atau melebihi dia inilah dia sifat hasad dan dengki.

(4) Jahat perangai pula pendengki yang tidak

bersebab; bukan kerana permusuhan, bukan kerana sompong, bukan kerana gila pangkat, tetapi semata-mata telah menjadi tabiat kepadanya tak suka melihat orang lain di dalam kesenangan dan kemulian. Orang (perkataan tidak jelas) dengan sebab permusuhan itu boleh diharap apabila permusuhan itu habis.

Orang yang dengki kerana didorong oleh sifat sompong itu

boleh diharap hilangnya atau kurangnya apabila tidak ada lagi kepadanya kekayaan atau kecantikan yang menjadi modal kesombongannya.

Orang yang gila pangkat ada harapan kurang atau habis dengkinya apabila ia telah duduk di atas sekali atau pun apabila ia jatuh ke bawah hingga tidak ada harapan mendapat apa-apa pangkat lagi.

Adapun orang yang dengki dengan tidak bersebab itu sedikit benar harapan akan hilang kedengkiannya.

Orang yang dengki itu bukan sahaja dengki kepada harta dan pangkat orang tetapi dengki juga kepada ilmu dan akhlak orang, dengki kepada kekuatan badan dan kecantikan rupa orang, dengki kepada nama baik dan ibadat orang, dengki kepada kesayangan dan pujian orang kepada seseorang bahkan dengki kepada seseorang dengan kerana ia mempunyai anak yang baik, isteri yang baik atau sahabat yang setia.

Dengan kerana itu hasad itu suatu sifat yang sangat buruk maka Allah telah mencela di dalam Al-Quran dengan firman-Nya: “Adakah (patut) mereka dengki kepada manusia atas kurnia (nikmat yang Allah telah berikan kepada mereka?)

Rasullullah (SAW) bersabda yang maksudnya: Janganlah kamu berbenci-bencian dan janganlah kamu berpaling-paling muka tetapi jadilah sebagai hamba Allah yang bersaudara sebagaimana Allah telah perintahkan kamu” (H.S.R. Muslim)

Rasullullah (SAW) telah bersabda lagi. “Dengki itu memakan kebaikan-kebaikan sebagaimana api memakan kayu yang kering. (H.S.R. Abu Daud dan Ibnu Majah)

Sabda Rasullullah (SAW) lagi “Manusia tetap di dalam kebaikan selama mereka tidak berdengkian” (H.R. Tibrani) “Bukan daripada golonganku orang yang hasad dan mengadu-ngadu” Sabda Rasullullah (SAW). Maksudnya: Orang yang bersifat dengki dan mengadu-ngadu (melagakan) antara manusia satu dengan lain tidak termasuk orang-orang yang beramal seperti

amalku. "Sabda Rasulullah (SAW): lagi "Tidak akan berkumpul di hati seseorang hamba itu iman dan dengki"

Orang yang hasad itu kalau hanya dengan harapan-harapan supaya hilang nikmat orang lain, boleh dipandang ringan, sebab bahayanya tidak melampaui dirinya sendiri tetapi sebahagian daripada tukang-tukang dengki atau memang sudah jadi tabiat pendengki bahawa kalau tidak hilang nikmat orang yang ia dengki itu dengan harapan-harapan sahaja maka ia bekerja dengan tenaga zahir bagi merosakkan nikmat orang itu. Apabila ia telah bekerja dengan kekuatan zahir maka sudah tentu bahayanya bertambah. Dengan sebab itu Allah telah berfirman mengajar kita berlindung daripada mereka itu dengan firman-Nya "Dan aku berlindung kepada Allah daripada kejahanat pendengki apabila ia dengki".

Dengki itu, sungguhpun pekerjaan hati, tetapi hukumnya haram oleh kerana telah ditegah Allah dan Rasul-Nya dengan nyata adapun pekerjaan-pekerjaan hati yang Quran dan Hadis tidak melarangnya itu tidak dihukum haram sebelum seseorang mengerjakan dengan anggota zahir apa yang dicita-citanya di dalam hatinya itu ialah sekiranya seseorang tidak bercita-cita supaya nikmat seseorang itu hilang tetapi ingin mendapat sedemikian itu baginya maka yang demikian ini tidak dinamakan hasad tetapi ghubtah yakni iri hati. Iri hati ini baik dan terpuji terutamanya jika ia ingin menjadi orang pandai dan baik seperti si folan atau si folan.

Ada sebahagian daripada ulama berkata tidak haram jika kita suka supaya hilang nikmat daripada orang jahat yang menggunakan nikmat itu kepada jalan maksiat. Perkataan ini sungguhpun ada betulnya tetapi ada pula bahayanya iaitu ia membiasakan hati kepada sifat hasad. Sekiranya ada seseorang mengerjakan maksiat dengan kekayaan yang diberi Allah kepadanya maka sebaik-baiknya kita nasihati dan doakan mudah-mudahan Allah hilangkan sifat maksiat itu daripadanya.

## UBAT PENYAKIT DENGKI

Oleh sebab hasad itu penyakit di hati maka ubatnya

tidak lain melainkan dengan kekuatan hati yang dibantu oleh

amal-amal yang zahir iaitu:

(1) Hendaklah ketahui dengan bersungguh-sungguh bahawa dengki itu suatu dosa yang balasannya kita sendiri akan menerimanya di dunia dan di akhirat. Balasan dunia yang akan kita terima itu ialah kesusahan dan kesakitan hati yang tidak putus-putusnya selama tidak habis nikmat orang yang kita dengkikan itu terutamanya pula nikmatnya bertambah maka kesusahan dan kesakitan hati kita mengikut semakin bertambah-tambah. Balasan akhirat yang kita akan terima ialah seksa yang pedih.

(2) Hendaklah kita ketahui pula bahawa dengan sebab dengki kita itu nikmat seseorang tidak akan hilang bahkan boleh bertambah nikmatnya di akhirat apabila kita melakukan sesuatu perbuatan untuk menghilangkan nikmat orang yang kita dengki itu kerana dengan perbuatan itu tertambah-tambah dosa kita sedang orang itu mendapat balasan yang baik. Kalau kita perhatikan hal-hal yang tersebut dengan saksama nescaya kita mengetahui bahawa kita ini menjadi musuh kepada diri kita sendiri dan dengan ini mudah-mudahan hilanglah sifat dengki itu.

(3) Hendaklah kita melakukan perbuatan-perbuatan yang sebaliknya yang dimaksud oleh hasad umpamanya kita rapat dan damai dengan orang-orang yang kita dengki serta kita tunjukkan kesenangan hati kita kepada nikmat yang ada kepadanya dan kerana dengan ini mudah-mudahan boleh kita berkasih-kasihan dan dengan itu boleh pula hilang atau berkurangan penyakit dengki itu.

Mudah-mudahan Allah jauhkan kita dari padah dengki dan terpelihara daripada sifat hasad. (dipetik daripada majalah Al-Lisan 27 April 1986).

---

Apabila kebaikan kamu menyenangkan kamu dan kejahanat kamu menyusahkan kamu maka kamu ialah seorang mukmin (yang sebenar) – Hadis Riwayat Ad-Dhiyah.

-----\*-----\*

Bahaya bagi agama itu ada tiga (perkara): ulama yang derhaka, raja yang zalim dan mujtahid yang bodoh – Hadis Riwayat Ad-Diyami.

-----\*-----\*